



## KENYATAAN MEDIA

### TINDAKAN DOF MENANGANI ISU BERKAITAN PENYU

1. Jabatan Perikanan Malaysia telah menerima aduan daripada orang awam melalui media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* mengenai penjualan telur penyu dari Negeri Terengganu. Penjualan tersebut telah diiklankan dalam laman Shopee Malaysia pada 12 Mei 2020. Walau bagaimanapun, tinjauan kami mendapati iklan tersebut telah **digugurkan** pada 13 Mei 2020.
2. Untuk makluman, semua negeri telah **melarang penjualan** semua spesies penyu termasuk telur penyu **kecuali negeri Terengganu** yang hanya melarang penjualan Penyu Belimbing sahaja. **Penguatkuasaan ini menggunakan Enakmen/Kaedah-Kaedah Perikanan Penyu dan Telur Penyu Negeri.**
3. Penyeragaman perundangan seharusnya memastikan penyu dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317), Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686), Enakmen Penyu Negeri dan Kaedah-Kaedah Perikanan berhubung penyu dan telur penyu Negeri. **Kesalahan yang melanggar akta boleh diambil tindakan penguatkuasaan.**
4. Justeru itu, diminta semua pihak yang menguruskan laman sesawang penjualan produk dalam talian dan semua yang terlibat dalam mana-mana kaedah penjualan untuk bersama membantu Jabatan Perikanan Malaysia **menghalang sebarang bentuk jualan haiwan marin terancam (termasuk telur)**. Semoga usaha yang diwujudkan ini dapat membantu DOF dan juga Malaysia dalam memastikan kemampunan sumber haiwan marin terancam di Malaysia.
5. Dalam usaha menangani isu ini, DOF telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan spesies haiwan marin terus dilindungi dan terpulihara. Antara usaha lain adalah; menjalankan **program pendidikan dan mempertingkatkan program kesedaran awam** di semua peringkat termasuk kerjasama strategik dengan pihak tertentu dan termasuk program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).
6. DOF bertanggungjawab mengurus dan memulihara spesies penyu di Malaysia dan peranan ini dimantapkan lagi dengan kerjasama dari jabatan/agensi kerajaan yang lain, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan dan institut pengajian tinggi awam bagi memastikan kelestarian haiwan marin ini.

7. DOF juga menjalankan aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi kepatuhan kepada syarat-syarat lesen terutama saiz mata pukat dan pemasangan alat *Turtle Excluder Devise* (TED) pada bot. Sesi penerangan dan dialog diberikan kepada pengusaha bot terutama bagi tujuan pendidikan dan kesedaran di kalangan mereka yang lebih kerap berdepan dengan haiwan marin ini.
8. Untuk makluman, penyu merupakan antara hidupan marin yang dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999 pindaan 2019 serta Enakmen/Kaedah Perikanan Negeri. Di Malaysia terdapat empat (4) spesies penyu iaitu Penyu Belimbing (*Dermochelys coriacea*), Penyu Agar (*Chelonia mydas*), Penyu Karah (*Eretmochelys imbricata*) dan Penyu Lipas (*Lepidochelys olivacea*) dan semua penyu-penuhnya ini dikategorikan sebagai terancam dan adalah dilindungi sepenuhnya.
9. Di peringkat global, semua spesies penyu tersenarai dalam Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) dan tersenarai dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa Pemuliharaan Alam Semulajadi (Red Lists, International Union for Conservation of Nature – IUCN). Ini menjadikan ia hidupan yang sangat penting dan kritikal untuk dilindungi. Spesies ini merupakan komponen penting dalam mengimbangi kestabilan ekosistem marin. Malah ini merupakan ikon untuk pelancongan yang mampu menarik minat umum kepada konservasi alam sekitar.
10. DOF memandang serius terhadap sebarang aktiviti penjualan tersebut bagi memastikan kemampunan sumber haiwan marin terancam di Malaysia.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**15 Mei 2020 (Jumaat)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)  
          012-664 9570 (Aqilah)  
Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)